

13 SEP 1998

Abdullah - Reformasi

GERAKAN REFORMASI YANG DILANCARKAN ANWAR BUKAN PERKARA BARU

MELAKA, 13 Sept (Bernama) --- Naib Presiden Umno Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini berkata reformasi yang dilancarkan oleh bekas Timbalan Perdana Menteri Anwar Ibrahim sebenarnya sudahpun dilaksanakan oleh kerajaan yang ada sekarang dan bukanlah satu perkara yang baru.

"Ini bukan perkara baru, sebenarnya perkara yang kita telah usahakan selama ini, "katanya kepada pemberita selepas berucap pada majlis taklimat isu-isu semasa Umno di sini hari ini. Turut hadir ialah Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Abu Zahar Isnin yang juga pengerusi perhubungan Umno negeri.

Abullah diminta mengulas mengenai gerakan reformasi dengan apa yang dipanggil oleh Anwar "Perisytiharan Permatang Pauh" mengambil sempena kawasan pilihan raya Parlimen yang diwakilinya.

Perisytiharan itu mengandungi tujuh perkara sebagai asas perjuangan Anwar untuk membetulkan apa yang Anwar dakwa sebagai kepincangan yang berlaku di negara ini.

Menurut Abdullah, kerajaan tak berniat untuk memperkayakan orang-orang tertentu bahkan rakyat diberi peluang seluas-luasnya.

"Mereka boleh merebut peluang itu mengikut kemampuan-kemampuan yang ada pada mereka. Bagaimanapun kita akui tak boleh capai 100 peratus yang kita kehendak - keadilan, pembahagian harta sama rata, kekayaan sama rata," katanya.

Abdullah yang juga Menteri Luar berkata pendekatan yang diambil oleh kerajaan melalui pelbagai dasar yang diperkenalkan dan dilaksanakan umpamanya Dasar Ekonomi Baru (DEB) agak sama dengan perisytiharan itu.

Menjawab satu soalan, Abdullah berkata mungkin pemecatan Anwar ada rahmat disebaliknya kerana salah laku moral Anwar dikesan sewaktu kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Ketika Dr Mahathir mempunyai pengaruh kuat dan masih dikehendaki oleh Umno, beliau tiba-tiba mendapat tahu akhlak Anwar yang tidak baik, yang mencemarkan kewibawaan beliau (Anwar) sebagai pemimpin, " kata Abdullah.

Beliau berkata Dr Mahathir terpaksa mengambil satu tindakan yang perlu dan tidak boleh dilenggang-lengahkan lagi.

"Ia mempunyai risiko-risikonya kalau Dr Mahathir tidak lagi memegang tampuk pemerintahan, " jelas Abdullah.

-- BERNAMA

NO WAT